



Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia

LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT LAPORAN TAHUNAN 2022

LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT
LAPORAN TAHUNAN
2022

© Lembaga Pemantauan Audit, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 2023

Alamat
No. 3 Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur
Malaysia

Telefon: +603 6204 8900
Laman web: <http://www.sc.com.my/aob>
Faks: +603 6201 1888

Tarikh akhir bagi data yang dinyatakan dalam laporan ini adalah 31 Disember 2022.

KANDUNGAN

PERUTUSAN PENGURUSI	6
PENGENALAN	
Pengenalan	10
Fungsi Teras AOB	10
Profil Firma Audit dan Juruaudit Individu yang Berdaftar dan Diiktiraf oleh AOB	11
PENGAWASAN DAN PENYELIAAN JURUAUDIT PIE DAN KUMPULAN WANG JADUAL	
Pendaftaran dan Pengiktirafan	14
Pemeriksaan ke atas Firma Audit dan Juruaudit Individu	17
Penguatkuasaan ke atas Firma Audit dan Juruaudit Individu	19
LIBAT URUS BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN DAN INISIATIF PEMBANGUNAN KAPASITI	
Libat Urus Bersama Pihak Berkepentingan dan Inisiatif Pembangunan Kapasiti	24
PENYATA	
Ahli Lembaga Pemantauan Audit	28
Pernyataan Tadbir Urus	32
Penyata Kewangan	36
LAIN-LAIN	
Akronim dan Singkatan	56
Definisi	57



PERUTUSAN PENGERUSI

PERUTUSAN PENGERUSI



Kewajipan berkanun Lembaga Pemantauan Audit (AOB) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) adalah untuk membantu SC menggalakkan keyakinan terhadap kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit. Dalam hal ini, saya berbesar hati untuk melaporkan usaha dan aktiviti AOB pada tahun 2022.

BAKAT DAN TEKNOLOGI: LANDSKAP PENGAUDITAN

AOB mengiktiraf cabaran yang dihadapi oleh firma berdaftar dalam menggaji dan mengekalkan juruaudit yang berkelayakan. Mobiliti profesional perakaunan dan pengauditan kita telah meningkat beberapa tahun kebelakangan ini dan pilihan adalah tersedia untuk bakat tempatan kita di peringkat serantau dan global. Kekurangan profesional mahir tersebut berkemungkinan, mempunyai potensi untuk menjelaskan kualiti audit.

Sehubungan itu, adalah penting bagi pihak berkepentingan utama dalam ekosistem pelaporan kewangan bekerjasama untuk mencari penyelesaian yang berdaya maju dan mampan untuk menangani isu ini demi kepentingan profesion dan pasaran modal kita. Dalam jangka pendek, AOB menggesa

firma berdaftar untuk meneruskan usahanya untuk mengekalkan bakat dan mula meneroka penyelesaian jangka panjang seperti mempercepatkan rancangan penerimanaan teknologi.

Landskap pengauditan telah melalui perubahan ketara dengan pengenalan teknologi baharu. Memandangkan teknologi dan pendekatan dipacu data untuk bekerja menjadi semakin penting kepada proses audit dan model perniagaan, juruaudit memerlukan kemahiran yang lebih menyeluruh. Kapasiti dan kecekapan amalan audit perlu dinilai secara berterusan untuk memenuhi permintaan sedia ada dan yang dijangkakan.

MEMPERKUKUH HUBUNGAN DENGAN DUNIA

Penglibatan dan sumbangan berterusan AOB di peringkat global dan serantau melalui Forum Antarabangsa Pengawal Selia Audit Bebas (IFIAR) dan Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN (AARG) memudahkan perkongsian bersama tentang pandangan berharga tentang amalan terbaik pengawalseliaan audit. Selanjutnya, sebagai ahli Kumpulan Kerja Pelabur dan Pihak Berkepentingan Lain (IOSWG) IFIAR, AOB telah memanfaatkan pengalaman dan pengetahuan bidang kuasa luar mengenai perkara yang berkaitan dengan perlindungan pelabur dan meningkatkan kualiti audit. IOSWG juga merupakan saluran utama bagi AOB untuk memahami jangkaan pelabur dan pihak berkepentingan lain terhadap juruaudit dan peraturan audit.

Kekuatan sistem pelaporan kewangan bergantung kepada pelbagai pihak berkepentingan yang memainkan peranan yang berbeza tetapi saling berkaitan dalam proses yang direka untuk menyediakan pelabur dengan penyata kewangan teraudit yang berkualiti tinggi dan boleh dipercayai. Menyedari perkara ini, penglibatan tetap AOB dengan juruaudit dan pemegang kepentingan utama menyediakan jalan untuk berkongsi jangkaan pengawalseliaan dan menangani keperluan dan keimbangan pihak berkepentingan. Ia juga membolehkan AOB secara proaktif menangani isu-isu berbangkit.

Sebagai salah satu pihak berkepentingan utama dalam ekosistem, Jawatankuasa Audit (AC) memainkan peranan penting melalui pengawasan mereka terhadap pelaporan kewangan dan proses audit. AOB percaya bahawa pengawasan berkesan oleh AC yang kukuh, berpengetahuan dan bebas merupakan kuasa pasaran yang kuat untuk meningkatkan kualiti audit. Dalam hal ini, AOB telah berusaha untuk memastikan bahawa AC dimaklumkan dengan secukupnya dan dilengkapi dengan maklumat yang relevan untuk melaksanakan tanggungjawab pengawasan

mereka dengan berkesan. Satu cara untuk menyampaikan maklumat berkaitan kepada Jawatankuasa Audit adalah melalui penerbitan dan pengedaran *Laporan Pemeriksaan Tahunan* (AIR) AOB.

AOB terus mengedarkan AIR kepada semua syarikat tersenarai awam dan amat menggalakkan AC untuk memahami dan membincangkan penemuan pemeriksaan, pemerhatian dan statistik peringkat firma dengan juruaudit masing-masing.

PENYELIAAN BERSEMANGAT YANG BERTERUSAN

Pada 31 Disember 2022, terdapat 40 firma audit dan 369 juruaudit individu yang berdaftar dan diiktiraf mengaudit entiti berkepentingan awam (PIE) dan kumpulan wang jadual.

Pada tahun 2022, AOB memeriksa 21 Firma Audit yang meliputi 52 juruaudit individu untuk 56 tugas audit. Firma audit yang mempunyai lebih daripada 50 pelanggan audit PIE dengan jumlah permodalan pasaran pelanggan audit PIE melebihi RM15.0 bilion terus diperiksa setiap tahun oleh AOB. Seperti tahun-tahun sebelumnya, AOB meneruskan pemeriksaan yang disasarkan untuk bertindak balas terhadap risiko yang muncul. Maklumat yang lebih mendalam tentang program pemeriksaan untuk tahun 2022 yang termasuk penemuan pemeriksaan biasa, hasil semakan tematik, analisis trend dan usaha pemulihan yang diambil oleh firma audit yang diperiksa akan disediakan secara berasingan dalam Laporan Pemeriksaan Tahunan 2022 AOB.

Dari segi penguatkuasaan, AOB mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap juruaudit kerana kegagalan mematuhi piawaian pengauditan yang berkaitan dan kegagalan melaksanakan fungsi penyemak kawalan kualiti tugas dengan berkesan. Firma audit juga dikenakan sanksi kerana kegagalan mematuhi piawaian kawalan kualiti firma yang membawa kepada kegagalan dalam mengesahkan kekurangan audit dalam pengauditan PIE. Tindakan penguatkuasaan terhadap penyemak kawalan kualiti tugas dan firma audit ini adalah bertujuan untuk menghantar isyarat kukuh tentang kepentingan proses kawalan kualiti dalam menjaga integriti kualiti audit dan proses kawalan.

Pada masa lalu, tindakan penguatkuasaan AOB telah tertakluk kepada Semakan Kehakiman oleh juruaudit yang tidak berpuashati dan AOB telah berjaya mempertahankan tindakan dan kedudukannya di Mahkamah setakat ini. Kami telah melaporkan dalam Laporan Tahunan tentang satu keputusan penting oleh Mahkamah Persekutuan yang sebulat suara memutuskan memihak kepada SC dan menolak permohonan kebenaran merayu kepada Mahkamah Persekutuan oleh firma audit dan rakan kongsi terhadap tindakan penguatkuasaan AOB. Keputusan Mahkamah Persekutuan mengukuhkan lagi keteguhan rangka kerja penguatkuasaan AOB.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Hew Ee-Lu dari Bank Negara Malaysia (BNM), yang menamatkan tempoh perkhidmatannya sebagai ahli Lembaga AOB pada Oktober 2022, atas sumbangan berharganya kepada Lembaga AOB. Hew berkhidmat sebagai ahli Lembaga AOB selama empat tahun. Selanjutnya, saya ingin mengalu-alukan Hong Chin Pheng dari BNM ke Lembaga AOB pada Oktober 2022.

Saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli Lembaga AOB atas komitmen mereka dan saya berterima kasih kepada rakan pengawal selia, badan profesional perakaunan dan pihak berkepentingan lain atas sokongan dan sumbangan berterusan mereka.

Kepada pasukan pengurusan dan pekerja kami, terima kasih atas kerja keras dan usaha cemerlang anda terutamanya pada masa yang mencabar ini. Saya menantikan untuk melaporkan kemajuan berterusan AOB pada tahun-tahun akan datang.

Dato' Anantham Kasinather

PERNYATAAN MISI

Memupuk pengauditan bebas berkualiti tinggi bagi memelihara keyakinan terhadap kualiti dan keandalan penyata kewangan teraudit entiti berkepentingan awam dan kumpulan wang jadual di Malaysia.

PENGENALAN

PENGENALAN

Lembaga Pemantauan Audit (AOB) telah ditubuhkan di bawah Bahagian IIIA Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 (SCMA) untuk mengawal selia juruaudit entiti kepentingan awam (PIE) dan kumpulan wang jadual untuk dan bagi pihak SC. AOB juga menjalankan pemantauan ke atas mana-mana orang yang menyediakan laporan berkaitan maklumat kewangan PIE dan kumpulan wang jadual, berhubung dengan aktiviti pasaran modal.

FUNGSI TERAS AOB

PENDAFTARAN



AOB bertanggungjawab ke atas pendaftaran juruaudit PIE dan kumpulan wang jadual.

IA juga mengiktiraf juruaudit asing yang mengaudit penyata kewangan syarikat asing tersenarai di Bursa Malaysia.

PEMERIKSAAN



AOB menjalankan program pemeriksaan dan pemantauan ke atas juruaudit untuk menilai tahap pematuhan juruaudit terhadap piawaian pengauditan dan etika yang diguna pakai di Malaysia.

PENGUATKUASAAN



AOB memulakan prosiding penguatkuasaan dan mengenakan sekatan yang bersesuaian bagi sebarang ketakpatuhan terhadap piawaian pengauditan/ etika, pengawalseliaan dan undang-undang sekuriti.

PROFIL FIRMA AUDIT DAN JURUAUDIT INDIVIDU YANG BERDAFTAR DAN DIIKTIRAF OLEH AOB PADA 31 DISEMBER 2022




357

Juruaudit individu berdaftar




12

Juruaudit individu yang diiktiraf



40

Firma audit berdaftar dan diiktiraf




Mengaudit

1,228 PIE

RM1,683

bilion permodalan PLC




Mengaudit

1,313

kumpulan wang jadual

RM677

bilion nilai aset bersih (NAV)



PENGAWASAN DAN PENYELIAAN JURUAUDIT PIE DAN KUMPULAN WANG JADUAL

PENDAFTARAN DAN PENGIFTIRAFAN

Aktiviti pemantauan utama AOB seperti pendaftaran, pemeriksaan dan penguatkuasaan adalah bertujuan untuk menggalakkan amalan pengauditan berkualiti tinggi. AOB menggalakkan firma audit agar membangunkan kapasiti dan mewujudkan rangka kerja kualiti yang membolehkan audit berkualiti dilaksanakan secara konsisten.

Aktiviti pemantauan AOB disasarkan terhadap:

- Menguatkuasa Syarat-syarat Pendaftaran AOB yang menggalakkan kualiti dan kapasiti;
- Memacu amalan audit berkualiti melalui pemeriksaan dan usaha pemulihan; dan
- Menetapkan ketetapan bagi kualiti melalui tindakan penguatkuasaan.

AOB mendaftar dan mengiktiraf 40 firma audit dan 369 juruaudit individu berdaftar dan diiktiraf.

Jadual 1 di bawah menunjukkan pecahan bilangan pelanggan PIE dan kumpulan wang jadual juruaudit berdaftar dan diiktiraf tersebut.

JADUAL 1

Juruaudit berdaftar dan diiktiraf pada 31 Disember 2022


Profil firma audit	Bil. firma audit	Bil. juruaudit individu	Bil. pelanggan audit PIE	% jumlah permodalan pasaran PLC	Bil. pelanggan audit kumpulan wang jadual	% jumlah NAV
Firma audit berdaftar						
Perkongsian dengan 10 dan lebih rakan kongsi audit	10	249	995	96.44	1,272	98.56
Perkongsian dengan 5-9 rakan kongsi audit	14	71	153	2.60	21	1.31
Perkongsian dengan kurang daripada 5 rakan kongsi audit	12	37	75	0.83	20	0.13
Jumlah Kecil	36	357	1,223	99.87	1,313	100.00
Firma audit asing yang diiktiraf	4	12	5	0.13	-	-
JUMLAH	40	369	1,228	100.00	1,313	100.00

Carta 1 menunjukkan bilangan firma audit berdaftar dan juruaudit individu untuk lima tahun yang lalu. Bilangan firma audit berdaftar telah menurun daripada 49 pada 2018 kepada 36 pada 2022. Penurunan mendadak dalam bilangan firma audit adalah disebabkan oleh syarat pendaftaran AOB yang diperkenalkan pada Ogos 2018. AOB mengetatkan syarat pendaftaran pada 2019 untuk menambah baik dan mengukuhkan kapasiti dalaman dan tadbir urus firma audit. Syarat pendaftaran menyediakan ruang kepada firma audit untuk menstruktur semula amalan mereka agar lebih bersedia untuk mengaudit PIE dan kumpulan wang jadual.

Bilangan juruaudit individu berdaftar terus meningkat sejak 2019 apabila firma audit mula membina kapasiti.

CARTA 1

Statistik pendaftaran firma audit dan juruaudit individu berdaftar bagi tempoh 5 tahun




Carta 2 menunjukkan bilangan firma audit dan juruaudit individu yang diiktiraf untuk lima tahun yang lalu. Dalam tempoh lima tahun tersebut, bilangan firma audit dan juruaudit individu yang diiktiraf kekal tidak berubah pada empat firma dan 12 juruaudit individu yang diiktiraf.

Firma audit yang diiktiraf adalah dari Singapura, Hong Kong dan UK. Firma audit yang diiktiraf mestilah firma rangkaian gabungan antarabangsa, dengan sokongan teknikal yang berkesan dan kawalan kualiti yang mantap daripada firma rangkaianya.

AOB bergantung pada rangka kerja pemantauan bidang kuasa asal juruaudit yang diiktiraf untuk menentukan sama ada mereka sesuai dan layak untuk mengaudit PIE. Sebahagian daripadanya adalah memastikan bahawa firma audit mematuhi piawaian antarabangsa bagi kawalan kualiti, pengauditan, etika dan jaminan lain, dan mereka tertakluk kepada pemeriksaan berkala oleh pengawal selia audit negara asal mereka.

CARTA 2

Statistik pengiktirafan firma audit asing dan juruaudit individu diiktiraf bagi tempoh 5 tahun



PERGERAKAN PELANGGAN PIE

Pada 2022, tambahan dua firma audit yang berdaftar dengan AOB dengan jumlah pelanggan PIE sebanyak 162 memenuhi kriteria Firma Audit Utama. Pada masa ini, Firma Audit Utama di Malaysia terdiri daripada lapan firma audit yang berdaftar dengan AOB yang secara kolektif mengaudit 95.3% daripada jumlah permodalan pasaran PLC di Malaysia. Pada 2022, terdapat penambahan baharu pada senarai pelanggan PIE bagi firma audit berdaftar. Selain itu, terdapat PLC yang telah dinyahsenaraikan dan PIE yang tidak lagi dianggap sebagai PIE.

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2, masih berlaku perpindahan pelanggan audit PIE dari Firma Audit Utama ke Firma Audit Lain pada tahun 2022. AOB melihat trend ini secara positif kerana pergerakan tersebut akan mencairkan penumpuan pasaran dalam industri audit.

Walaupun AOB melihat trend ini secara positif, Firma Audit Lain diingatkan untuk membangunkan kapasiti sumber manusia firma dari semasa ke semasa untuk mengekalkan kualiti audit mereka. Firma Audit lain harus mengikuti perkembangan dalam pasaran modal. Ini bagi memastikan firma audit mempunyai sumber yang berkebolehan dan cekap untuk melaksanakan audit yang berkualiti.

JADUAL 2

Pergerakan pelanggan dalam kalangan firma audit yang berdaftar dan diiktiraf dalam tahun 2022


Saiz firma	Pada 1 Jan 2022	Perubahan profil firma audit	PIE Baharu	PLC Dinyahsenaraikan /Dikeluarkan	Bilangan kemasukan PIE daripada		Bilangan PIE berpindah ke		Pada 31 Dis 2022
					Firma Audit Utama	Firma Audit Lain	Firma Audit Utama	Firma Audit Lain	
Firma Audit Utama	734	162	32	(10)	-	9	-	(23)	904
Firma Audit Lain	464	(162)	9	(6)	23	-	(9)	-	319
Asing	5	-	-	-	-	-	-	-	5
JUMLAH	1,203	-	41	(16)	23	9	(9)	(23)	1,228

RENCANA: PROFIL USIA JURUAUDIT INDIVIDU YANG BERDAFTAR DAN DIIKTIRAF OLEH AOB

Pada 2017, AOB menekankan keperluan bagi firma audit mempertimbangkan kesinambungan dan kemampuan amalan audit. Perancangan penggantian adalah penting untuk meminimumkan gangguan kepada amalan dan membolehkan rakan kongsi yang akan bersara meninggalkan firma dan melaksanakan peralihan dengan lancar. Firma audit mesti berterusan merekrut bakat baharu, membangun, membimbing dan melatih ahli pasukan mereka untuk memegang peranan pengurusan dan kepimpinan.

CARTA 3

Profil usia juruaudit individu berdaftar pada 31 Disember 2022




Berdasarkan data pada 2022, 41% (2017: 42%) juruaudit individu berdaftar berusia 50 tahun dan ke atas. Dalam kumpulan ini, 20% (2017: 36 %) berusia 60 tahun ke atas. Juruaudit individu berdaftar yang paling tua berusia 79 tahun. Satu perkembangan yang menggalakkan ialah kumpulan yang berusia 40 tahun dan ke bawah telah meningkat kepada 19% (2017:11%), menunjukkan peningkatan dalam bilangan bakat muda dalam profesion.

PEMERIKSAAN KE ATAS FIRMA AUDIT DAN JURUAUDIT INDIVIDU

Selaras dengan Seksyen 31V(1) Bahagian IIIA SCMA, AOB menjalankan pemeriksaan ke atas juruaudit PIE dan kumpulan wang jadual untuk menggalakkan audit berkualiti tinggi dan penyata kewangan teraudit yang boleh dipercayai.

Pemeriksaan yang dijalankan oleh AOB terdiri daripada semakan di peringkat Firma dan peringkat Tugasan.

Semakan peringkat Firma memberi tumpuan kepada semakan terhadap sistem dan amalan kawalan kualiti firma audit serta tahap pematuhan terhadap keperluan Piawaian Antarabangsa mengenai Pengurusan Kualiti 1 (ISQM 1)



Semakan peringkat tugasan bertujuan untuk menilai tahap pematuhan oleh juruaudit terhadap piawaian pengauditan dan etika yang berkaitan termasuk sama ada bukti audit yang mencukupi dan sesuai telah diperoleh berhubung dengan laporan audit PIE dan kumpulan wang jadual.

Pada 2022, AOB memeriksa 21 Firma Audit meliputi 52 juruaudit individu untuk 56 tugasan audit.

Setiap tahun, AOB menjalankan pemeriksaan ke atas semua firma yang mempunyai lebih daripada 50 pelanggan audit PIE dengan jumlah permodalan pasaran pelanggan audit PIE melebihi RM15.0 bilion. Lapan Firma Audit Utama ini (2021: enam Firma Audit Utama) secara kolektif mengaudit PLC yang mewakili 73.5% daripada jumlah bilangan PLC dan 95.3% daripada jumlah permodalan pasaran PLC di Malaysia.

AOB menggunakan pendekatan pemeriksaan berasaskan risiko dalam memilih firma audit yang lain untuk pemeriksaan di bawah program pemantauannya. AOB mengambil kira pelbagai faktor seperti:

- Saiz firma audit (termasuk tahap pelaburan yang dilakukan oleh firma untuk kualiti audit);
- Bilangan rakan kongsi audit berdaftar dengan AOB;
- Keputusan semakan pemantauan dalaman dan luaran juruaudit;
- Bilangan pelanggan PIE dan kumpulan wang jadual;
- Permodalan pasaran dan kerumitan pelanggan firma audit; dan
- Prestasi kewangan pelanggan terutamanya jika terdapat petunjuk potensi manipulasi kewangan dan/atau keimbangan mengenai kecairan.

AOB juga melaksanakan beberapa pemeriksaan bersasar sebagai tindak balas terhadap risiko yang baru muncul.



Pada akhir setiap pemeriksaan, AOB menilai tahap keseriusan pemerhatian yang timbul daripada setiap tugas yang disemak. Firma audit dijangkakan akan melakukan tindakan pemulihan terhadap semua pemerhatian dalam garis masa yang dipersetujui dengan AOB tanpa mengira sama ada tindakan penguatkuasaan seterusnya diambil ke atas juruaudit individu atau firmanya.

AOB menekankan kepentingan mengenal pasti punca sebenar apabila membangunkan pelan tindakan pemulihan. Penting bagi pelan pemulihan tersebut bersifat holistik, relevan dan berdaya maju untuk memastikan sebarang kekurangan atau kelemahan dalam kualiti audit diperbetulkan dengan sewajarnya dan segera untuk memastikan pernyata kewangan PIE dan kumpulan wang jadual yang diaudit berkualiti tinggi dan boleh dipercayai.

Maklumat yang lebih mendalam mengenai program pemeriksaan, termasuk pemerhatian pemeriksaan lazim, hasil semakan tematik, analisis trend dan usaha pemulihan yang dilaksanakan oleh firma audit yang diperiksa akan disediakan secara berasangan dalam AOB AIR 2022.

SOROTAN PEMERIKSAAN 2022


Pendekatan berdasarkan risiko yang diambil oleh AOB dalam perancangan dan pemilihan tugasan untuk program pemeriksaan dan pemantauan



Tindakan yang diambil pada 2022 termasuk:

- Mengenakan langkah-langkah pemulihan khusus untuk menggabungkan atau menyemak prosedur audit yang berkaitan
- Tindakan penguatkuasaan dilakukan oleh AOB menurut Seksyen 31Z SCMA
- Merujuk kes-kes PLC kepada jabatan yang berkenaan di SC

LIPUTAN INDUSTRI OLEH PEMERIKSAAN AOB PADA 2022



PENGUATKUASAAN KE ATAS FIRMA AUDIT DAN JURUAUDIT INDIVIDU

Mencapai hasil yang diinginkan

AOB terus menumpukan usahanya dengan melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang akan menyemai tingkah laku yang baik dan mencapai tahap pematuhan yang tinggi dalam kalangan pendaftar AOB.

Hasil yang ingin dicapai oleh AOB termasuk:



Keberkadaranaan tindakan penguatkuasaan

Dalam menentukan jenis tindakan yang akan dikenakan, AOB memastikan bahawa tindakan penguatkuasaan sepadan dengan sifat dan keseriusan pelanggaran. AOB akan mengenakan tindakan yang lebih ketat terhadap kes pelbagai kegagalan melaksanakan prosedur audit. Pertimbangan lain termasuk tingkah laku juruaudit, rekod kawal selia terdahulu dan kesan ke atas pasaran modal.

Sifat dan keseriusan pelanggaran	Tingkah laku juruaudit	Rekod kawal selia terdahulu	Kesan ke atas pasaran modal
<ul style="list-style-type: none"> Pelanggaran melarat dan melibatkan kegagalan dalam banyak bidang. Pelanggaran melibatkan atau mendedahkan kelemahan yang serius dalam sistem pengurusan atau kawalan dalaman atau proses firma tersebut. Pelanggaran undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Pelanggaran piawaian etika. Pelanggaran dilakukan dengan sengaja. Individu yang melakukan pelanggaran mendapat manfaat kewangan atau sebaliknya daripada pelanggaran tersebut. Pelanggaran menyebabkan berlaku jenayah kewangan. 	<ul style="list-style-type: none"> Kegagalan untuk melaksanakan kecermatan dan ketekunan wajar, tingkah laku profesional. Pelanggaran dilakukan dengan sengaja. Individu yang melakukan pelanggaran mendapat manfaat kewangan atau sebaliknya daripada pelanggaran tersebut Pelanggaran menyebabkan berlaku jenayah kewangan. 	<ul style="list-style-type: none"> Telah dikenakan sekatan kerana tidak mematuhi peraturan, garis panduan dan mana-mana undang-undang terpakai yang lain. Prosiding atau tindakan disiplin dijalankan oleh mana-mana pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan di dalam atau luar Malaysia. 	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggaran menjadikan sejumlah besar audit PIE atau kumpulan wang jadual. Pelanggaran mengakibatkan kerugian besar kepada PIE atau kumpulan wang jadual dan pelabur. Pelanggaran memberi kesan terhadap asas pendapat audit. Pelanggaran memberi kesan terhadap kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit. Pelanggaran memberi kesan terhadap permodalan pasaran PIE atau nilai aset bersih kumpulan wang jadual.

Pertimbangan mitigasi

Prosiding penguatkuasaan biasanya melibatkan tempoh yang panjang sebelum ia selesai. AOB sedar bahawa untuk tindakan penguatkuasaannya menjadi pencegahan yang berkesan dan untuk mengurangkan risiko kepada pasaran modal, prosiding penguatkuasaan perlu diselesaikan segera.

AOB mengiktiraf dan mempertimbangkan usaha juruaudit dalam mengurangkan sebarang ketidakpatuhan terhadap piawaian berkaitan yang membolehkan sesuatu hal tersebut diselesaikan awal dan lebih tepat pada masanya. Dalam aspek ini, AOB mengambil kira tahap kerjasama yang diberikan oleh juruaudit, termasuk memberikan maklum balas segera kepada permintaan AOB untuk mendapatkan maklumat, memberikan maklumat secara sukarela untuk membantu pasukan pemeriksaan/penguatkuasaan dan melaporkan sendiri sebarang ketidakpatuhan. Di samping itu, AOB menyenangi sikap proaktif juruaudit dalam mengambil tindakan untuk membetulkan, mengehadkan dan mengurangkan kes ketidakpatuhan yang berpotensi dan sebenar.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN PADA 2022

Sekatan yang dikenakan

Pada tahun 2022, AOB melaksanakan enam tindakan penguatkuasaan, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. AOB melarang lima rakan kongsi audit dan satu firma audit daripada mengaudit dan menerima PIE dan kumpulan wang jadual sebagai pelanggan audit selama satu tahun. Di samping larangan tersebut, AOB juga mengenakan denda monetari ke atas rakan kongsi audit dan firma audit berjumlah RM383,500.

Tiga daripada rakan kongsi audit telah dikenakan sekatan kerana gagal mematuhi ISA yang berkaitan semasa melaksanakan audit PIE sebagai rakan kongsi tugasan. Sementara itu, dua lagi rakan kongsi audit dikenakan sekatan kerana gagal melaksanakan peranan mereka sebagai Penyemak Kawalan Kualiti Tugasan (EQCR). AOB memandang serius perkara ini dan menegaskan peranan penting EQCR dalam memelihara integriti kualiti audit dan proses kawalan.


Firma audit telah dikenakan sekatan kerana gagal mematuhi keperluan *Piawaian Antarabangsa Tentang Kawalan Kualiti 1* (ISQC 1) yang berkaitan. Khususnya, firma tersebut telah gagal memastikan sistem pemantauan kawalan kualitinya beroperasi dengan berkesan, mengakibatkan kegagalan untuk mengesan kelemahan audit yang terdapat dalam pengauditan pelanggan PIE.

AOB ingin menekankan kepentingan sistem dan amalan kawalan kualiti firma audit dan pematuhannya terhadap keperluan ISQC 1. AOB tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap firma tersebut atas sebarang kelemahan dalam sistem kawalan kualiti dan ketidakpatuhan terhadap ISQC 1 dan *Piawaian Antarabangsa Tentang Kualiti Pengurusan 1* (ISQM 1) (mulai 15 Disember 2022 dan seterusnya).

Tindakan AOB terhadap juruaudit diambil selepas proses sewajarnya diberikan kepada mereka, termasuk peluang untuk mereka mengumukakan rayuan kepada SC terhadap keputusan AOB.

RAJAH 1

Tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan pada 2022



Baca lebih lanjut mengenai tindakan penguatkuasaan AOB <https://www.sc.com.my/aob/aobs-sanctions>

Kes dalam siasatan dan telah selesai

Bilangan kes yang masih belum selesai setakat 31 Disember 2022 dinyatakan dalam Jadual 3. Butiran perkembangan kes penguatkuasaan sejak 2018 dinyatakan dalam Jadual 4.

JADUAL 3

Bilangan kes yang masih belum selesai setakat 31 Disember 2022

Kes yang dibawa dari 2021	2
Kes baharu yang dirujuk kepada Penguatkuasaan pada 2022	4
Kes diselesaikan pada 2022	2
Kes belum selesai setakat 31 Disember 2022	4

JADUAL 4

Bilangan kes yang berjaya diselesaikan sejak 2018

Tahun	Bilangan rujukan untuk prosiding penguatkuasaan	Bilangan kes yang diselesaikan sebelum 2022	Bilangan kes yang diselesaikan pada 2022	Bilangan kes yang masih belum selesai setakat 31 Disember 2022
2018	8	8	-	-
2019	4	4	-	-
2020	5	4	1	-
2021	1	-	1	-
2022	4	-	-	4

PEMERHATIAN PENGUATKUASAAN AOB



Bukti audit

- Dokumentasi dalam fail audit tidak wujud, tidak lengkap atau tidak mencukupi untuk menyokong prosedur audit yang telah dilaksanakan, andaian yang dilakukan dan kesimpulan yang dicapai.



Kebebasan juruaudit

- Juruaudit tidak mempunyai kawalan penuh ke atas proses pengesahan perdagangan belum terima di mana permintaan dibuat dan diterima melalui pelanggan mereka.
- Terlalu bergantung kepada maklumat yang diberikan oleh pelanggan tanpa melaksanakan prosedur audit seterusnya.
- Kegagalan melaksanakan prosedur audit untuk mengesahkan kebolehpercayaan maklumat yang diberikan oleh pelanggan.



Audit luar negara

- Kurang pemahaman dan pengetahuan dalam melaksanakan audit dalam bidang kuasa asing.
- Tidak biasa dengan undang-undang, peraturan dan keperluan pelaporan bidang kuasa asing.



Peranan EQCR

- Kegagalan untuk menyemak dengan secukupnya dokumentasi audit terpilih yang berkaitan dengan pertimbangan penting dan bidang risiko tugas serta asas kesimpulan.
- Ketiadaan semakan yang teguh daripada rakan kongsi EQCR menjelaskan pengawasan dan tadbir urus ke atas rakan kongsi audit dalam melaksanakan penyata kewangan teraudit PIE atau kumpulan wang jadual.



Keraguan profesional

- Menerima penjelasan pelanggan tanpa mengesahkan bukti audit.
- Kegagalan menilai bukti audit secara kritikal untuk potensi salah nyata yang ketara.

SEMAKAN KEHAKIMAN

Juruaudit yang terkilan dengan keputusan AOB boleh merayu kepada SC, dan jika tidak berpuas hati, mereka boleh mengambil tindakan undang-undang. Pada 2022, SC terlibat dalam tiga semakan kehakiman yang dikemukakan oleh firma audit Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS) dan rakan kongsi auditnya. Semakan kehakiman tersebut termasuk mencabar kuasa AOB dalam menguatkuaskan undang-undang dan peraturannya dan cara AOB menjalankan prosiding penguatkuasaannya.

Mahkamah Persekutuan, pada 17 Ogos 2022, mengumumkan satu keputusan yang amat bermakna apabila para hakim sebulat suara memutuskan untuk memihak kepada SC dan menolak permohonan rayuan dari AFTAAS dan tiga rakan kongsinya terhadap keputusan AOB mengenakan sekatan penguatkuasaan ke atas firma audit tersebut dan rakan-rakan kongsinya. Keputusan Mahkamah Persekutuan mencerminkan keseriusan pelanggaran dan mengukuhkan keteguhan rangka kerja penguatkuasaan AOB.

SC juga memperoleh keputusan yang memuaskan di Mahkamah Tinggi dalam dua permohonan semakan kehakiman lain yang dikemukakan oleh AFTAAS dan rakan kongsinya. Mahkamah Tinggi membatalkan permohonan semakan kehakiman untuk mencabar tarikh kuatkuasa larangan yang dikenakan ke atas AFTAAS dan rakan kongsinya pada 29 Jun 2022.

Dalam permohonan semakan kehakiman lain yang dikemukakan oleh rakan kongsi AFTAAS terhadap pengenaan kriteria tambahan pendaftaran AOB, Mahkamah Tinggi sekali lagi memutuskan memihak kepada SC dan menolak permohonan semakan kehakiman. Rakan Kongsi AFTAAS sejak itu merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi.

Permohonan semakan kehakiman terhadap keputusan AOB pada 31 Disember 2022

Semakan Kehakiman	Keterangan Ringkas	Keputusan
Antara AFTAAS dan tiga rakan kongsinya dan SC	Mencabar kuasa AOB dan bagaimana AOB menjalankan prosiding penguatkuasaan.	<ul style="list-style-type: none"> Mahkamah Persekutuan pada 17 Ogos 2022, sebulat suara memihak kepada SC dan menolak permohonan rayuan AFTAAS dan rakan kongsinya terhadap keputusan AOB mengenakan sekatan terhadap AFTAAS dan rakan kongsinya.
Antara AFTAAS dan rakan kongsinya dan SC	Mencabar pemakluman AOB kepada AFTAAS dan rakan kongsinya mengenai tarikh kuatkuasa larangan.	<ul style="list-style-type: none"> Mahkamah Tinggi pada 29 Jun 2022 membatalkan permohonan semakan kehakiman tersebut. Pada 28 Julai 2022, AFTAAS dan rakan kongsinya memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi. AFTAAS dan rakan kongsinya pada 14 November 2022 menarik balik rayuan yang difailkan di Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi.
Antara Datuk Mohd Afrizan Husain dan SC	Mencabar Kriteria Pendaftaran AOB.	<ul style="list-style-type: none"> Mahkamah Tinggi menolak permohonan semakan kehakiman yang dikemukakan oleh Datuk Mohd Afrizan pada 18 Ogos 2021. Datuk Mohd Afrizan memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan pada 23 Ogos 2021.

Baca lebih lanjut mengenai semakan kehakiman <https://www.sc.com.my/aob/aobs-sanctions>



**LIBAT URUS
BERSAMA PIHAK
BERKEPENTINGAN
DAN INISIATIF
PEMBANGUNAN
KAPASITI**

LIBAT URUS BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN DAN INISIATIF PEMBANGUNAN KAPASITI

AOB menjalankan, mengambil bahagian dan memberikan pandangannya melalui penglibatan bersama pihak berkepentingan untuk menggalakkan pembinaan kapasiti dan pelaporan serta amalan kewangan berkualiti tinggi. Sesi penglibatan di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa melibatkan pengawal selia, profesion perakaunan, pengarah dan ahli AC. Pada tahun 2022, AOB secara aktif berusaha untuk mewujudkan kesedaran mengenai *Laporan Ketulusan Tahunan* firma audit dan nilainya kepada pihak berkepentingan.

Penglibatan dan sumbangan berterusan AOB di peringkat global dan serantau melalui Forum Antarabangsa Pengawal Selia Audit Bebas (IFIAR) dan Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN (AARG) memudahkan perkongsian bersama tentang pandangan berharga tentang amalan terbaik pengawalseliaan audit. Selanjutnya, sebagai ahli IOSWG IFIAR, AOB telah memanfaatkan pengalaman dan pengetahuan dari bidang kuasa lain mengenai perkara yang berkaitan dengan perlindungan pelabur dan meningkatkan kualiti audit.

Pada 2022, Pegawai Eksekutif AOB, Alex Ooi telah dijemput oleh Jabatan Perakaunan dan Peraturan Pengauditan, Kementerian Kewangan, Vietnam dan Institut Akauntan Bertauliah di England and Wales (ICAEW) untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik Malaysia mengenai pemantauan audit.

AOB juga terus memberikan pandangan, mengenai bidang yang menjadi perhatian berhubung kualiti audit kepada badan kawal selia dan penetapan piawaian yang termasuk IFIAR, Lembaga Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa Persekutuan Akauntan Antarabangsa, Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Lembaga Piawaian Etika.



PERBINCANGAN AOB DENGAN JAWATANKUASA AUDIT


Pelaporan kewangan dan audit yang berkualiti tinggi hanya dapat dicapai sekiranya pihak berkepentingan utama dalam ekosistem pelaporan kewangan berjaya menjalankan peranan mereka dengan berkesan. Dalam hal ini, AOB meneruskan libat urus bersama AC PLC untuk memastikan mereka dimaklumkan dan sentiasa dikemas kini tentang perkembangan yang dapat memudahkan carakan peranan pemantauan mereka. AOB sangat percaya, pengawasan yang berkesan oleh AC yang kuat, berpengetahuan dan bebas dapat meningkatkan kualiti audit.

Disebabkan sambutan menggalakkan yang diterima bagi siri perbincangan dengan AC yang dianjurkan pada 2021, AOB telah mengadakan ulangan sesi 2021 pada April 2022. Sesi tersebut telah dihadiri oleh 234 AC daripada 176 PLC. Pada 2022, AOB menganjurkan dua sesi Perbincangan dengan AC. Sesi tersebut dihadiri oleh 739 orang ahli AC yang mewakili 597 buah PLC.

AC memainkan peranan penting dalam menetapkan nada yang tepat untuk proses pelaporan kewangan syarikat. Dalam hal ini, satu perbincangan panel dengan ahli AC dan juruaudit yang bertajuk '*How can Audit Committee and Auditors Work Towards Reliable Financial Statements*' turut dimasukkan ke dalam sesi tersebut. Perbincangan tertumpu kepada proses pelaporan kewangan PLC, peranan dan tanggungjawab AC dan juruaudit, penunjuk kualiti audit dan mendapatkan nilai daripada *Laporan Ketulusan Tahunan* firma.




Sesi tersebut telah mendapat sambutan memberangsangkan daripada AC. Dalam tinjauan soal selidik yang dijalankan pada sesi itu, 99% ahli AC mendapati topik yang dibentangkan dan dibincangkan adalah bermanfaat dan relevan dengan peranan mereka sebagai Jawatankuasa Audit dan pengarah PLC.




Bagaimakah AC dan Juruaudit boleh mendapatkan penyata kewangan yang boleh dipercayai?

- AC hendaklah memastikan fungsi kewangan syarikat adalah cekap dan mempunyai kakitangan yang sewajarnya.
- AC hendaklah memastikan Pengurusan menghulurkan kerjasama sepenuhnya kepada juruaudit semasa audit dijalankan.
- AC hendaklah terlibat secara aktif untuk mengetahui isu audit utama tepat pada masanya dan memastikan isu tersebut ditangani dengan sewajarnya oleh pihak pengurusan dan juruaudit.


PENGAJARAN PENTING UNTUK JAWATANKUASA AUDIT




AC harus mengesyorkan pelantikan dan pelantikan semula juruaudit luar berdasarkan pertimbangan kualiti audit seperti yang disyiharkan oleh *Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia* (MCCG). Maklumat yang didedahkan dalam *Laporan Ketelusan Tahunan* mungkin digunakan oleh AC untuk membuat keputusannya.



AC digalakkan untuk membuat perbandingan yang relevan mengenai Petunjuk Kualiti Audit yang dilaporkan oleh firma dan oleh AOB dalam Laporan Pemeriksaan Tahunannya.



AC juga perlu memastikan juruaudit diberi pampasan yang adil supaya audit kualiti dapat dilaksanakan.



AC harus sedar bahawa sebarang kegagalan audit akan secara tidak langsung mencerminkan prestasi AC dengan buruknya.

PERBINCANGAN AOB DENGAN FIRMA AUDIT

AOB mengadakan perbincangan tahunannya dengan kepimpinan dan rakan kongsi kanan firma audit berdaftar dengan AOB dalam dua sesi berasangan pada 18 Ogos 2022 dan 9 September 2022. Sebanyak 84 rakan kongsi audit kanan menghadiri sesi ini. Sesi ini membolehkan perbincangan bersama mengenai cabaran yang dihadapi oleh profesion dan usaha kawal selia untuk meningkatkan kualiti audit. AOB juga berkongsi pemerhatian terkini, keprihatinan dan risiko untuk tahun 2023.




INISIATIF PEMBANGUNAN KAPASITI BAGI FIRMA AUDIT DAN JURUAUDIT INDIVIDU YANG BERDAFTAR DENGAN AOB

AOB bekerjasama dengan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) untuk menganjurkan satu bengkel mengenai ISQM 1 yang akan berkuat kuasa pada 15 Disember 2022. ISQM 1 tertumpu kepada mengenal pasti dan bertindak balas secara proaktif terhadap risiko terhadap usaha menjamin. Dalam mematuhi piawaian ini, firma audit perlu melaksanakan penilaian risiko mereka sendiri untuk memastikan sistem pengurusan kualiti mereka direka khusus untuk menangani risiko ini terhadap kualiti.

Bengkel tersebut merupakan sebahagian daripada usaha berterusan AOB untuk membangunkan kapasiti profesion audit, iaitu juruaudit yang berdaftar dengan AOB. Objektif bengkel tersebut adalah untuk membantu firma audit dengan pelaksanaan ISQM 1. Bengkel tersebut dimudah cara oleh pasukan petugas ISQM 1 MICPA berpandukan *Panduan ISQM 1 & Manual Berilustrasi* MICPA. Sesi tersebut memberikan contoh praktikal tentang cara firma audit boleh merangka sistem pengurusan kualiti mereka berdasarkan sifat dan keadaan firma dan tugas yang mereka jalankan. Sesi tersebut juga menekankan perubahan penting daripada piawaian kawalan kualiti sedia ada.



2 sesi
diadakan pada
3 Oktober 2022 dan
25 Oktober 2022



70 peserta
menghadiri
bengkel

PENYATA

AHLI LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT



DATO' ANANTHAM KASINATHER



ALEX OOI THIAM POH



SALMAH BEE MOHD MYDIN



HONG CHIN PHENG



DATUK NOR AZIMAH
ABDUL AZIZ



DATO' DARAWATI HUSSAIN



DATO' SERI AHMAD JOHAN
MOHAMMAD RASLAN

Baca lebih lanjut mengenai Lembaga Pemantauan Audit <https://www.sc.com.my/aob/about-aob>

AHLI LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT



Dato' Anantham Kasinather

Dilantik Ahli Bukan Eksekutif pada 1 Januari 2020

Dilantik Pengurus Bukan Eksekutif pada 1 Disember 2020

Dato' Anantham Kasinather mempunyai lebih 40 tahun pengalaman dalam sektor swasta, bermula dengan kerjayanya di Skrine & Co dalam pelbagai bidang undang-undang komersial. Beliau berkhidmat sebagai Peguam di Mahkamah Tinggi Malaya, Sabah dan Sarawak, Mahkamah Rayuan, dan Mahkamah Persekutuan Malaysia. Dato' Anantham kini merupakan perunding di Sree Harry & Co.

Dato' Anantham juga pernah berkhidmat dalam bidang kehakiman di mana beliau dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Malaya pada 2009 dan dinaikkan pangkat ke Mahkamah Rayuan pada 2010 sebelum bersara daripada perkhidmatan kehakiman pada Mei 2014.

Dato' Anantham dilantik sebagai Penimbang Tara dengan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia pada 2010. Ketika ini, beliau adalah salah seorang daripada empat Wakil Kerajaan Malaysia ke Mahkamah Tetap Timbang Tara. Dato' Anantham adalah Felo Institut Penimbang Tara Malaysia. Beliau juga Ahli Lembaga Yayasan Pelaporan Kewangan (FRF).

Dato' Anantham memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-undang LLB (Kepujian) dari National University of Singapore.



Alex Ooi Thiam Poh

Dilantik Pegawai Eksekutif pada 24 November 2017

Alex Ooi kini merupakan Pengarah Eksekutif di SC yang bertanggungjawab sebagai Pegawai Eksekutif AOB. Sebelum menyertai AOB, beliau adalah rakan kongsi audit BDO Malaysia.

Alex kini terlibat dalam Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan, Lembaga Piawaian Etika, Lembaga Pendidikan, dan Lembaga Rayuan Tatatertib bagi Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau juga ahli MIA - Jawatankuasa Teknikal Bersama Agensi Kelayakan Malaysia. Alex berkhidmat sebagai Penasihat kepada Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan turut mewakili SC sebagai ahli dalam Jawatankuasa Pelesenan Audit Kementerian Kewangan Malaysia. Beliau kini adalah Ahli Majlis MIA.

Beliau merupakan ahli Kumpulan Kerja Pelabur dan Pihak Berkepentingan Lain Forum Antarabangsa Pengawal Selia Audit Bebas. Beliau juga kini merupakan ahli Pusat Kecemerlangan Piawaian Profesional dan Etika CPA Australia. Beliau pernah menjadi Presiden Divisyen Malaysia CPA Australia pada 2013 dan 2014. Beliau merupakan bekas ahli Jawatankuasa Penasihat Amalan Awam CPA Australia di Melbourne, Australia.

Alex adalah Akauntan Bertauliah MIA, Felo CPA Australia, ahli Institut Akauntan Bertauliah di England and Wales (ICAEW) dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA). Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Perakaunan) dari Monash University, Australia.



Salmah Bee Mohd Mydin

Dilantik Ahli Bukan Eksekutif pada 1 Januari 2020

Salmah Bee Mohd Mydin merupakan Pengarah Eksekutif Pembangunan Pasaran di SC yang bertanggungjawab terhadap kemampanan, tadbir urus korporat, dan pembangunan produk pelaburan bersama-sama dengan fungsi pembangunan sekuriti dan derivatif.

Fokus penting agenda SC adalah pembangunan pasaran modal yang inklusif dan mampan, dan Salmah mengetuai satu pasukan yang bertanggungjawab dalam merumuskan inisiatif untuk meningkatkan kecekapan, kerancakan dan daya saing pasaran. Beliau adalah ahli Agensi Akreditasi Kewangan, Majlis Pembangunan Modal Teroka dan Ekuiti Swasta Malaysia; dan Penjana Kapital.

Memandangkan beliau berpengalaman luas dalam bidang penyiasatan, pengawasan pengantara, pemantauan pasaran, kebenaran dan pelesenan serta pembangunan dan pengubalan dasar, Salmah telah terlibat dalam banyak pembabitan luar termasuk inisiatif transformasi sektor awam, Jabatan Peguam Negara dan Badan Pencegah Rasuah (sekarang dikenali sebagai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia). Beliau juga berkhidmat sebagai ahli Perbadanan Dana Pampasan Pasaran Modal SC dan Jawatankuasa Kestabilan Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan.

Sebelum ini, Salmah merupakan seorang wartawan perniagaan di *The STAR Publications*. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Pengurusan dan Pengajian Perniagaan) dari University of Liverpool dan Sarjana Sains (Dasar Awam dan Pengurusan) dari University of London.



Hong Chin Pheng

Dilantik Ahli Bukan Eksekutif pada 11 Oktober 2022

Hong Chin Pheng memiliki ijazah dalam perakaunan dan merupakan ahli MIA dan MICPA. Beliau mempunyai lebih daripada 25 tahun pengalaman dalam penyeliaan di BNM. Dalam peranannya sekarang sebagai Pengarah Penyeliaan Konglomerat Kewangan, beliau bertanggungjawab ke atas penyeliaan berhemat ke atas kumpulan perbankan domestik. Beliau juga berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Kestabilan Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) dan *Working Group on Banking Supervision of the Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks*. Beliau mewakili BNM dalam Aliran Kerja Penyeliaan Rangkaian Bank Pusat dan Penyelia Untuk Menghijaukan Sistem Kewangan. Terdahulu beliau mempengerusikan bersama Jawatankuasa Pengurusan Risiko Jawatankuasa Bersama mengenai Perubahan Iklim (JC3) dari September 2019 sehingga April 2022 dan terlibat dalam pembangunan Perubahan Iklim Taksonomi Berasaskan Prinsip.



Datuk Nor Azimah Abdul Aziz

Dilantik Ahli Bukan Eksekutif pada 1 Januari 2020

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sebelum perlantikannya sebagai CEO pada 1 Mei 2020, beliau ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (DCEO) Kawal Selia dan Penguatkuasaan dan selepas itu, DCEO Perkhidmatan Korporat dari 2016 hingga 2020. Beliau memulakan kerjaya pada 1992 sebagai Peguambela dan Peguamcara dan kemudian berkhidmat sebagai Pensyarah Undang-undang di Jabatan Perakaunan, Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Semasa berkhidmat di UKM, pada Julai 2000 beliau telah dipinjamkan ke Jabatan Kawal Selia dan Piawaian di MIA. Beliau menyertai SSM sebagai Pengurus Besar Jabatan Polisi, Perancangan dan Pembangunan Korporat pada 2003.

Datuk Nor Azimah berpengalaman luas dalam inisiatif reformasi undang-undang dan telah menyelia kelulusan beberapa rang undang-undang yang penting di bawah SSM antara lain, *Akta Syarikat 2016*, *Akta Skim Kepentingan 2016*, *Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012* dan *Akta Syarikat (Pindaan) 2007*. Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Pentaulihan Pegawai Integriti Bertauliah dan Ahli Lembaga FRF. Beliau juga ahli Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar.

Datuk Nor Azimah memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari Institut Teknologi MARA (sekarang dikenali sebagai UiTM) dan Sarjana Undang-undang (LLM dalam Undang-undang Perniagaan) dari University of Wales, Aberystwyth, UK.



Dato' Darawati Hussain

Dilantik Ahli Bukan Eksekutif pada 1 April 2016

Dato' Darawati Hussain ialah Pengarah Syalin Sdn Bhd. Beliau pernah memegang jawatan Pengarah Dana dan Perhubungan Pelabur Bersama di Bahagian Strategi dan Pelaburan Strategik Kumpulan, Kumpulan CIMB (Malaysia).

Beliau mempunyai pengalaman lebih daripada 30 tahun dalam kewangan korporat, pengurusan aset dan ekuiti swasta. Beliau pernah berkhidmat sebagai pengurus portfolio ekuiti Eropah bagi syarikat pengurusan dana AS dengan aset di bawah pengurusan bernilai AS\$70 bilion.

Dato' Darawati berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Mesiniaga Bhd dan sebagai Ahli Lembaga Bebas Malaysia Venture Capital Management Bhd. Beliau juga merupakan Pengarah Bebas beberapa subsidiari Pengurusan Aset Kumpulan RHB dan beberapa syarikat sendirian berhad yang lain.

Dato' Darawati adalah bekas Pengerusi Persatuan Modal Teroka dan Ekuiti Swasta Malaysia dan ahli jawatankuasa Perbadanan Pembangunan Modal Teroka Malaysia di bawah naungan SC.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Perakaunan dari Durham University, UK dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari London Business School, UK. Beliau juga seorang Penganalisis Kewangan Berkanun.



Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan

Dilantik Ahli Bukan Eksekutif pada 1 Disember 2020

Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan merupakan Pengerusi Eksekutif PwC Malaysia dari 2004 hingga 2012, sebelum bersara dari firma tersebut.

Dato' Seri Johan telah berkhidmat dalam beberapa lantikan dalam kerajaan, termasuk sebagai Pengerusi FRF dari 2003 hingga 2009, ahli Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan BNM dari 2009 hingga 2012, dan ahli Panel Penasihat Antarabangsa Labuan FSA dari 2004 hingga 2012.

Dalam bidang tadbir urus korporat, Dato' Seri Johan membantu SC melancarkan *Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia* (MCCG) yang pertama kepada pasaran pada 2000. Sejak itu, beliau telah membantu dalam menyusun versi MCCG seterusnya.

Kini, Dato' Seri Johan merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan Pengerusi Jawatankuasa Audit Sime Darby Property Bhd (Sime Darby Property). Beliau juga berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Kemampanan Lembaga Sime Darby Property. Beliau pernah menjadi ahli lembaga dua PLC lain pada masa lalu. Beliau kini merupakan ahli lembaga Institut Pengarah Korporat Malaysia.

Dato' Seri Johan memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dalam Ekonomi dan Perakaunan dari University of Hull, UK. Beliau adalah Felo ICAEW dan ahli MIA dan MICPA. Dato' Seri Johan berkhidmat sebagai Presiden MICPA dari 2011 hingga 2012.

PERNYATAAN TADBIR URUS

AHLI LEMBAGA

Ahli Lembaga AOB terdiri daripada Pengerusi Bukan Eksekutif, Pegawai Eksekutif dan 5 orang Ahli Bukan Eksekutif lain yang dilantik oleh SC. Ahli Bukan Eksekutif merupakan wakil daripada pengawal selia iaitu BNM dan SSM, profesi perundangan, profesion pengauditan dan sektor swasta. Pegawai Eksekutif bertanggungjawab ke atas pentadbiran harian AOB.

Pengerusi Bukan Eksekutif AOB dilantik untuk tempoh 3 tahun manakala Ahli Bukan Eksekutif Lembaga dilantik untuk tempoh 2 tahun. Pengerusi Bukan Eksekutif dan Ahli-ahli Bukan Eksekutif layak untuk lantikan semula setelah tamat tempoh perkhidmatan mereka.

Seseorang akan hilang kelayakan untuk memegang jawatan ahli Lembaga AOB sekiranya beliau:

- Disabitkan atas suatu kesalahan di bawah undang-undang;
- Diisyiharkan muflis;
- Gagal menghadiri mesyuarat Lembaga 3 kali berturut-turut tanpa kebenaran; atau
- Tidak mampu menjalankan tugasnya.

SCMA menghendaki ahli Lembaga untuk menguruskan konflik kepentingan dengan menzahirkan kepentingannya dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Lembaga. Setelah penzahiran dibuat, beliau:

- Tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam sebarang perbincangan atau keputusan Lembaga atau jawatankuasanya; dan
- Tidak boleh diambil kira bagi maksud membentuk korum Lembaga atau jawatankuasanya yang berkaitan dengan perkara tersebut.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA

Lembaga AOB bertanggungjawab membantu SC dalam melaksanakan fungsinya di bawah SCMA. Tanggungjawab Lembaga dinyatakan dalam Rajah 1.

RAJAH 1

Tanggungjawab Lembaga

 <p>Melaksanakan dasar dan program bagi memastikan sistem pemantauan audit yang berkesan di Malaysia</p>	 <p>Mendaftar atau mengiktiraf juruaudit PIE atau kumpulan wang jadual</p>	 <p>Mengarahkan MIA supaya menubahkan atau menerima pakai, atau melalui kedua-duanya, piawaian pengauditan dan etika yang perlu diguna pakai oleh Juruaudit</p>	 <p>Menjalankan pemeriksaan dan program pemantauan ke atas juruaudit berdaftar untuk menilai tahap pematuhan piawaian pengauditan dan etika</p>	 <p>Mengenakan sekat yang bersesuaian terhadap juruaudit berdaftar yang gagal mematuhi piawaian pengauditan dan etika</p>
 <p>Bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan dalam merumuskan dan melaksanakan strategi bagi peningkatan standard penzahiran kewangan PIE atau kumpulan wang jadual</p>	 <p>Berhubung dan bekerjasama dengan badan pemantauan di luar Malaysia untuk meningkatkan kedudukan profesion pengauditan di Malaysia dan peringkat antarabangsa</p>	 <p>Menjalankan pemeriksaan ke atas individu yang menyediakan laporan berhubung maklumat kewangan PIE atau kumpulan wang jadual, berkaitan dengan aktiviti pasaran modal</p>	 <p>Menjalankan tugas atau fungsi lain yang perlu atau sesuai untuk meningkatkan standard profesional yang tinggi bagi juruaudit berdaftar dan menambah baik kualiti perkhidmatan pengauditan yang disediakan oleh juruaudit berdaftar</p>	

MESYUARAT LEMBAGA

Lembaga AOB telah bermesyuarat sebanyak 9 kali pada 2022. Korum yang diperlukan ialah 3 orang ahli hadir ke mesyuarat. Rekod kehadiran ahli Lembaga dinyatakan dalam Jadual 1.

JADUAL 1

Kehadiran di Mesyuarat Lembaga

Ahli Lembaga	Bil. Mesyuarat yang dihadiri
Dato' Anantham Kasinather (Pengerusi Bukan Eksekutif)	9/9
Alex Ooi Thiam Poh (Pegawai Eksekutif)	9/9
Salmah Bee Mohd Mydin	9/9
Hew Ee-Lu (Menamatkan khidmatnya sebagai Ahli Bukan Eksekutif pada 5 Oktober 2022)	5/5
Datuk Nor Azimah Abdul Aziz	7/9
Dato' Darawati Hussain	9/9
Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan	8/9
Hong Chin Pheng (Dilantik ke dalam Lembaga pada 11 Oktober 2022)	2/2

JAWATANKUASA AOB

Jawatankuasa Pendaftaran ditubuhkan untuk membincangkan hal-hal berkaitan dengan pendaftaran atau pengiktirafan juruaudit dengan AOB. Sekiranya diperlukan, Jawatankuasa Pendaftaran akan membuat saranan kepada Lembaga mengenai perkara yang memerlukan pertimbangan dan keputusan selanjutnya.

Berikut adalah ahli Jawatankuasa Pendaftaran:

- Dato' Anantham Kasinather;
- Alex Ooi Thiam Poh; dan
- Dato' Darawati Hussain.

Sebanyak tiga mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran telah diadakan pada 2022. Pengerusi AOB mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran. Semasa ketiadaannya, seorang ahli Lembaga yang juga merupakan ahli Jawatankuasa Pendaftaran boleh mempengerusikan mesyuarat tersebut.

Rekod kehadiran ahli Jawatankuasa Pendaftaran dinyatakan dalam Jadual 2.

JADUAL 2


Kehadiran di Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran

Ahli Jawatankuasa Pendaftaran	Bil. Mesyuarat yang dihadiri
Dato' Anantham Kasinather	3/3
Alex Ooi Thiam Poh	3/3
Dato' Darawati Hussain	3/3

JURUAUDIT LUAR

Pertimbangan dan cadangan pelantikan juruaudit luar AOB diputuskan dan diluluskan oleh ahli bebas bukan eksekutif SC. Pengerusi dan Pegawai Eksekutif AOB dikecualikan daripada keputusan berkaitan semakan dan pelantikan juruaudit luar.

STRUKTUR ORGANISASI






PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN


PADA 31 DISEMBER 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
ASET SEMASA			
Pelbagai penghutang	4	105,841	81,990
Pelaburan lain	5	2,894,466	2,191,477
Tunai dan setara tunai	6	231,789	612,741
		<hr/>	<hr/>
		3,232,096	2,886,208
TOLAK: LIABILITI SEMASA			
Pelbagai pembiutang dan akruan	7	(363,459)	(463,426)
ASET SEMASA BERSIH		<hr/>	<hr/>
		2,868,637	2,422,782
DIWAKILI OLEH:			
Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	8.1	38,016,438	34,516,438
Defisit terkumpul	8.2	(35,147,801)	(32,093,656)
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	8	2,868,637	2,422,782
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Nota-nota di muka surat 40 hingga 51 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



AWANG ADEK HUSSIN
PENGURUSI
SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA



OOI THIAM POH
PEGAWAI EKSEKUTIF
LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT

7 Februari 2023

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
Yuran pendaftaran		3,104,000	3,060,400
Pendapatan kewangan daripada deposit tetap		65,530	52,275
Pendapatan penalti		1,014,500	647,500
Pendapatan lain		90,898	31,388
		4,274,928	3,791,563
Perbelanjaan pentadbiran	9	(7,329,073)	(7,048,238)
Defisit sebelum cukai		(3,054,145)	(3,256,675)
Perbelanjaan cukai	10	-	-
Defisit dan jumlah kerugian komprehensif bagi tahun		(3,054,145)	(3,256,675)

Nota-nota di muka surat 40 hingga 51 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA TERKUMPUL
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia RM	Defisit terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2021	30,516,438	(28,836,981)	1,679,457
Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	4,000,000	-	4,000,000
Defisit dan jumlah kerugian komprehensif bagi tahun	-	(3,256,675)	(3,256,675)
Pada 31 Disember 2021/1 Januari 2022	34,516,438	(32,093,656)	2,422,782
Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	3,500,000	-	3,500,000
Defisit dan jumlah kerugian komprehensif bagi tahun	-	(3,054,145)	(3,054,145)
Pada 31 Disember 2022	38,016,438	(35,147,801)	2,868,637
	Nota 8.1	Nota 8.2	Nota 8

Nota-nota di muka surat 40 hingga 51 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	2022 RM	2021 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Defisit sebelum cukai	(3,054,145)	(3,256,675)
Pelarasan untuk:		
Pendapatan kewangan	(65,530)	(52,275)
DEFISIT OPERASI SEBELUM PERUBAHAN DALAM MODAL KERJA		
	(3,119,675)	(3,308,950)
Perubahan dalam modal kerja:		
Pelbagai penghutang	(13,360)	(69,840)
Pelbagai pembiutang dan akruan	(99,967)	(356,874)
TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI OPERASI	<u>(3,233,002)</u>	<u>(3,735,664)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Faedah diterima	55,039	47,613
Peningkatan dalam pelaburan lain	(702,989)	(320,522)
TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PELABURAN	<u>(647,950)</u>	<u>(272,909)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN		
Dana diterima daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	3,500,000	4,000,000
TUNAI BERSIH DIPEROLEHII DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN	<u>3,500,000</u>	<u>4,000,000</u>
PERGERAKAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI		
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 1 JANUARI	(380,952)	(8,573)
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 31 DISEMBER	<u>612,741</u>	<u>621,314</u>
	<u>231,789</u>	<u>612,741</u>

Nota-nota di muka surat 40 hingga 51 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

1 MAKLUMAT UMUM

Pada 1 April 2010, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) menubuhkan Lembaga Pemantauan Audit (AOB) di bawah seksyen 31C dalam *Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993* (SCMA). AOB ditubuhkan bagi tujuan yang dinyatakan dalam seksyen 31B dalam SCMA, iaitu:

- (a) Untuk menggalakkan dan membangunkan kerangka kerja pemantauan audit yang efektif dan teguh di Malaysia,
- (b) Untuk meningkatkan keyakinan dalam kualiti dan keandalan penyata kewangan teraudit di Malaysia,
- (c) Untuk mengawal selia juruaudit bagi entiti berkepentingan awam dan kumpulan wang jadual, dan
- (d) Untuk menjalankan pemantauan ke atas mana-mana orang yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan, yang dikehendaki untuk dikemukakan di bawah undang-undang sekuriti, garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya atau kaedah-kaedah bursa saham, oleh suatu:
 - (i) entiti berkepentingan awam (PIE) atau kumpulan wang jadual;
 - (ii) entiti bukan berkepentingan awam yang memohon kelulusan untuk menjadi suatu syarikat awam tersenarai (PLC) atau suatu perbadanan disenaraikan di bursa saham; atau
 - (iii) kumpulan wang tidak berjadual yang memohon kelulusan untuk menjadi suatu kumpulan wang jadual.

Untuk memudah cara tujuan yang dinyatakan di atas, sebuah dana, Dana AOB telah ditubuhkan di bawah seksyen 31H SCMA. Dana AOB ini ditadbir oleh SC. SC memberikan sokongan pentadbiran dan perakaunan kepada Dana AOB dan menyediakan akaun yang berasingan daripada akaun SC menurut seksyen 31L(5) SCMA. SC akan terus menyediakan sokongan kewangan kepada AOB untuk masa depan yang boleh dijangka.

2 ASAS PENYEDIAAN

- (a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan AOB telah disediakan menurut *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia* (MFRS) dan menurut *Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa* (IFRS).

- (i) Pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan yang telah dikuatkuasakan

AOB telah menggunakan pakai pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan yang dinyatakan di bawah buat kali pertama bagi tahun kewangan bermula pada 1 Januari 2022:

- Pindaan ke atas MFRS 16 'Konsesi Sewa Berkaitan Covid-19 selepas 30 Jun 2021'
- Penambahbaikan Tahunan ke atas MFRS 9 'Yuran Ujian 10% bagi Pembatalan Pengiktirafan Liabiliti Kewangan'
- Penambahbaikan Tahunan ke atas MFRS 1 'Anak Syarikat Sebagai Penerima Pakai Pertama Kali'
- Penambahbaikan Tahunan ke atas Contoh ilustratif mengiringi MFRS 16 Pajakan: Insentif Pajakan
- Penambahbaikan Tahunan ke atas MFRS 141 'Percukaian dalam Pengukuran Nilai Saksama'

Penggunaan pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan itu tidak memberi sebarang kesan material pada tempoh semasa atau mana-mana tempoh sebelumnya dan tidak mungkin menjelaskan pada masa hadapan.

(ii) Pindaan terhadap piawaian yang diterbitkan, yang telah dikeluarkan tetapi masih belum dikuatkuasakan

Pindaan baharu ke atas piawaian yang diterbitkan dan penambahbaikan tahunan yang berkuat kuasa bagi tahun kewangan bermula selepas 1 Januari 2022 dinyatakan di bawah:

- Pindaan ke atas MFRS 112 ‘Cukai tertunda berkaitan Aset dan Liabiliti yang timbul daripada Urus Niaga Tunggal’ (tarikh kuat kuasa 1 Januari 2023) menjelaskan bahawa pengecualian awal tidak merangkumi urus niaga dimana kedua-dua asset dan liabiliti diiktiraf pada masa yang sama seperti pajakan dan kewajipan berkaitan penamatkan tugas. Sewajarnya, entiti perlu mengiktiraf kedua-dua cukai tertunda aset dan liabiliti untuk semua boleh kurang dan perbezaan sementara boleh cukai yang timbul dari urus niaga sebegitu.
- Pindaan ke atas MFRS 16 ‘Liabiliti Pajakan dalam Urus Niaga Jualan dan Pajak Semula’ (tarikh kuat kuasa 1 Januari 2024) menjelaskan penjual-penerima pajak harus menentukan ‘bayaran pajakan’ atau ‘bayaran pajakan yang telah disemak’ dengan cara yang tidak menyebabkan penjual-penerima pajak mengiktiraf sebarang amaun laba atau kerugian yang berkaitan dengan hak guna dikekalkan oleh penjual-penerima pajak.

Pindaan hendaklah digunakan secara retrospektif dalam urus niaga jualan dan pajak semula selepas tarikh penjual-penerima pajak pada mulanya mengaplikasikan MFRS 16.

Terdapat dua pindaan ke atas MFRS 101 ‘Pembentangan Penyata Kewangan’. Pindaan pertama, ‘Pengelasan liabiliti sebagai liabiliti semasa atau liabiliti bukan semasa’ menjelaskan bahawa liabiliti dikelaskan samada sebagai liabiliti semasa atau liabiliti bukan semasa, bergantung kepada hak yang wujud semasa tempoh akhir pelaporan. Pengelasan tidak terjejas dengan jangkaan entiti atau peristiwa selepas tarikh pelaporan (e.g. resit pelepasan atau pelanggaran kovenan).

Pindaan kedua, ‘Liabiliti Bukan Semasa dengan Kovenan’ menyatakan bahawa kovenan pengaturan pinjaman dimana sesebuah entiti perlu patuh hanya selepas tarikh pelaporan tidak akan menjelaskan pengelasan liabiliti sebagai liabiliti semasa atau liabiliti bukan semasa semasa tarikh pelaporan. Walau bagaimanapun, kovenan dimana sesebuah entiti perlu patuh semasa atau sebelum tarikh pelaporan itu akan mempengaruhi pengelasan liabiliti sebagai liabiliti semasa atau liabiliti bukan semasa, walaupun kovenan itu hanya akan ditaksir selepas tarikh pelaporan.

Kedua-dua pindaan akan berkuatkuasa pada tempoh pelaporan tahunan bermula atau selepas 1 Januari 2024.

Pindaan hendaklah digunakan secara retrospektif.

Pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan dan penambahbaikan tahunan tersebut akan terpakai pada tarikh kuat kuasa masing-masing. AOB telah memulakan penilaian awal kesan pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan dan penambahbaikan tahunan seperti di atas dan kesannya masih dalam penilaian.

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan ini disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan yang dinyatakan dalam Nota 3.

(c) Matawang fungsi dan pembentangan

Penyata kewangan ini disediakan dalam Ringgit Malaysia (RM), di mana ia merupakan mata wang fungsian bagi AOB. Semua maklumat kewangan yang dibentangkan adalah dalam RM, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan menurut MFRS memerlukan pihak pengurusan membuat keputusan, anggaran dan andaian yang akan memberi kesan kepada polisi perakaunan dan jumlah yang dilaporkan bagi aset-aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Jumlah sebenar mungkin berbeza dengan jumlah anggaran.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Penyemakan kepada anggaran perakaunan dikira dalam tempoh yang anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang berkenaan.

Tidak terdapat sebarang anggaran ketidakpastian dan keputusan penting dalam pengamalan dasar-dasar perakaunan yang menyebabkan kesan yang ketara ke atas sebarang jumlah yang diambil kira di dalam penyata kewangan.

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Dasar-dasar perakaunan berikut diamalkan secara konsisten pada semua tempoh yang dibentangkan di dalam penyata kewangan ini, dan diguna pakai secara konsisten oleh AOB, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(a) Instrumen kewangan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, AOB menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Aset kewangan atau liabiliti kewangan pada awalnya diukur pada nilai saksama tambah atau tolak, untuk item yang tidak pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan atau terbitannya.

Instrumen kewangan diiktiraf secara berasingan daripada kontrak utama di dalam keadaan di mana instrumen kewangan tidak diiktiraf pada nilai saksamanya melalui untung atau rugi. Kontrak utama, sekiranya terbitan terbenam diiktiraf secara berasingan, diambil kira mengikut dasar yang terpakai kepada sifat kontrak utama.

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

Aset kewangan

Kategori aset kewangan ditentukan berdasarkan pengiktirafan awal dan tidak dikelaskan semula selepas pengiktirafan awalnya melainkan AOB mengubah model perniagaannya untuk menguruskan aset kewangan yang mana semua aset kewangan yang terlibat diklasifikasikan semula pada hari pertama tempoh pelaporan pertama berikutkan perubahan daripada model perniagaan.

Kos terlunas

Kategori kos terlunas terdiri daripada instrumen kewangan yang dipegang dalam model perniagaan di mana objektif adalah untuk memegang aset bagi mengumpul aliran tunai kontraktual dan termasuknya menimbulkan tarikh tertentu kepada aliran tunai yang semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan faedah ke atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan. Aset kewangan tidak ditetapkan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Berikutan pengiktirafan awal, aset kewangan ini diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah berkesan. Kos yang dilunaskan dikurangkan dengan kerugian kemerosotan nilai. Pendapatan faedah dan sebarang keuntungan atau kerugian atas pembatalan pengiktirafan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pendapatan kewangan diiktiraf dengan menggunakan kadar faedah berkesan kepada jumlah bawaan kasar kecuali bagi aset kewangan terjeas kredit (lihat Nota 3(c)) di mana kadar faedah berkesan digunakan untuk kos yang dilunaskan.

Liabiliti kewangan tidak dikategorikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Perbelanjaan faedah adalah diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian atas pembatalan pengiktirafan turut diiktiraf dalam untung atau rugi.

(iii) Pembatalan pengiktirafan

Aset kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat tempoh atau aset kewangan telah dipindahkan kepada pihak lain tanpa pengekalan kawalan atau sebahagian besar semua risiko dan manfaat aset tersebut. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan diantara nilai dibawa dan jumlah pembayaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperolehi ditolak sebarang liabiliti baru berkait) dan sebarang untung atau rugi terhimpun yang telah diiktiraf dalam ekuiti, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, tanggungjawab yang dikhatuskan di dalam kontrak telah disempurnakan, dibatalkan atau tamat tempoh. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dipadamkan atau dipindahkan kepada pihak lain dan penjelasan dibayar, termasuk aset bukan tunai dipindah atau liabiliti berkait, diiktiraf dalam untung atau rugi.

(iv) Mengofset

Aset kewangan dan liabiliti kewangan akan diofset dan jumlah bersih dibentangkan di penyata kewangan kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, AOB mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengofset jumlah tersebut, sama ada untuk menyelesaikannya secara bersih atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

(b) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada baki dan simpanan di bank yang mempunyai risiko rendah untuk berubah nilai dengan tempoh matang yang asal diantara 3 bulan atau kurang dan digunakan oleh AOB untuk menguruskan penglibatan jangka pendek.

(c) Rosot nilai

Aset kewangan

AOB mengiktiraf elauan kerugian yang dijangka kerugian kredit ke atas aset kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan. Kerugian kredit yang dijangkakan adalah anggaran wajaran kerugian kredit.

AOB mengukur elauan kerugian pada jumlah yang sama dengan jangkaan kerugian kredit sepanjang hayat, kecuali tunai dan setara tunai yang mana risiko kredit tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal, yang mana diukur pada jangkaan kerugian kredit selama 12 bulan.

Apabila menentukan sama ada risiko kredit aset kewangan meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal dan apabila menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan, AOB menimbangkan maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang relevan dan tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Ini termasuk maklumat dan analisis kuantitatif dan kualitatif, berdasarkan pengalaman sejarah AOB dan penilaian kredit yang dimaklumkan dan termasuk maklumat berpandangan ke hadapan, jika ada.

Kerugian kredit yang dijangkakan sepanjang hayat adalah kerugian kredit yang dijangkakan yang disebabkan oleh semua kemungkinan peristiwa ingkar sepanjang jangkaan hayat aset tersebut, manakala kerugian kredit dijangka selama 12 bulan adalah sebahagian daripada kerugian kredit yang dijangkakan yang terhasil daripada peristiwa lalai yang mungkin dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan. Tempoh maksimum yang dipertimbangkan apabila menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan adalah tempoh kontrak maksimum yang mana AOB terdedah kepada risiko kredit.

Kerugian rosot nilai berkaitan dengan aset kewangan yang diukur pada kos pelunasan diiktiraf dalam untung atau rugi dan aman dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

Pada setiap tarikh pelaporan, AOB menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan adalah kredit terjejas. Aset kewangan adalah kredit terjejas apabila satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan buruk terhadap anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Jumlah bawaan kasar aset kewangan dihapus kira (sama ada sebahagian atau penuh) setakat bahawa tiada prospek pemulihan realistik. Ini biasanya berlaku apabila AOB menentukan bahawa penghutang tidak mempunyai aset atau sumber pendapatan yang boleh menghasilkan aliran tunai yang mencukupi untuk membayar balik jumlah yang tertakluk kepada penolakan itu. Walau bagaimanapun, aset kewangan yang dihapuskan masih boleh tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan untuk mematuhi prosedur AOB untuk pemulihan jumlah yang perlu dibayar.

(d) Pajakan

Tahun kewangan semasa

(i) Definisi pajakan

Suatu kontrak adalah, atau mengandungi, suatu pajakan jika kontrak tersebut menyatakan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti bagi suatu tempoh masa sebagai pertukaran untuk pembayaran. Untuk menilai sama ada suatu kontrak menyatakan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti, AOB menilai sama ada:

- Kontrak tersebut melibatkan penggunaan aset yang dikenal pasti – ini boleh dinyatakan dengan khusus sama ada secara jelas atau tidak, dan hendaklah berbeza secara fizikal atau mewakili sebahagian besar keupayaan aset yang berbeza secara fizikal. Jika pembekal mempunyai hak pengantian besar, maka aset itu tidak akan dikenal pasti;
- Sebagai pemajak, AOB mempunyai hak untuk memperoleh sebahagian besar manfaat ekonomi melalui penggunaan aset tersebut sepanjang tempoh penggunaan; dan
- Sebagai pemajak, AOB berhak menentukan penggunaan aset tersebut. AOB mempunyai hak ini apabila ia mempunyai hak untuk membuat keputusan yang paling wajar untuk mengubah kaedah dan tujuan aset tersebut digunakan. Dalam kes-kes yang jarang berlaku di mana keputusan tentang kaedah dan tujuan aset tersebut digunakan telahpun ditentukan lebih awal, AOB mempunyai hak untuk menentukan penggunaan aset itu jika AOB mempunyai hak untuk mengendalikan aset itu; atau AOB merekacipta aset dengan cara yang menentukan lebih awal kaedah dan tujuan ia akan digunakan.

(ii) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Sebagai pemajak

AOB telah memutuskan untuk tidak mengiktiraf aset dengan hak penggunaan dan liabiliti pajakan bagi pajakan jangka pendek yang mempunyai tempoh pajakan 12 bulan atau kurang dan pajakan aset bernilai rendah. AOB mengiktiraf pembayaran yang berkaitan dengan pajakan tersebut sebagai perbelanjaan mengikut kaedah lurus sepanjang tempoh pajakan.

(e) Pendapatan

(i) Yuran pendaftaran

Yuran pendaftaran diperakui pada suatu masa apabila pendaftaran diserahkan oleh pendaftar.

(ii) Pendapatan kewangan

Pendapatan kewangan diiktiraf apabila terakru dengan menggunakan kaedah keuntungan berkesan dalam untung atau rugi.

(iii) Pendapatan penalti

Pendapatan penalti diperakui pada suatu masa menurut seksyen 31Z SCMA di mana AOB mengenakan penalti monetari terhadap juruaudit kerana gagal mematuhi syarat pendaftaran AOB. Amaun penalti adalah terhad dan akan digunakan bagi perancangan dan pelaksanaan program pembinaan keupayaan yang berkaitan dengan profesyen perakaunan dan pengauditan.

(f) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Obligasi manfaat kakitangan jangka pendek berhubung dengan gaji, bonus tahunan, cuti tahunan dan cuti sakit, caruman kepada pertubuhan keselamatan sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau Skim Persaraan Swasta (PRS) caruman berbayar diukur tanpa diskaun dan dikira sebagai perbelanjaan untuk perkhidmatan berkaitan .

Liabiliti dikira bagi amaun yang dijangka akan dibayar jika AOB mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar amaun ini disebabkan oleh perkhidmatan lampau yang diberikan oleh kakitangan dan obligasi tersebut dapat dianggar dengan andal.

(g) Kontingen

Aset kontingen

Apabila aliran masuk manfaat ekonomi suatu aset mungkin berlaku susulan peristiwa lalu dan di mana kewujudan akan disahkan hanya dengan berlakunya atau tidak salah satu atau lebih peristiwa masa depan yang tidak pasti yang bukan dalam kawalan entiti itu sepenuhnya, aset tersebut tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan, tetapi dinyatakan sebagai aset luar jangka. Sekiranya aliran masuk manfaat ekonomi adalah hampir pasti, maka aset yang berkaitan adalah diiktiraf.

Liabiliti kontingen

Liabiliti kontingen ialah obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa lepas yang kewujudannya akan disahkan oleh peristiwa atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa masa depan yang tidak pasti yang berada di luar kawalan entiti atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tidak mungkin aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti kontingen juga timbul dalam kes yang amat jarang berlaku di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur dengan pasti. Walau bagaimanapun, liabiliti kontingen tidak termasuk kontrak jaminan kewangan.

(h) Ukuran nilai saksama

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran ini menganggap bahawa urus niaga untuk menjual aset itu atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada di pasaran utama atau dalam ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling menguntungkan.

Bagi aset bukan kewangan, ukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan sebaik dan sepenuhnya atau dengan menjualnya kepada kumpulan peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan sebaik dan sepenuhnya.

4 PELBAGAI PENGHUTANG

	2022 RM	2021 RM
Pelbagai penghutang	83,200	23,750
Prabayaran	-	46,090
Pendapatan kewangan boleh terima	22,641	12,150
	<hr/> 105,841	<hr/> 81,990

5 PELABURAN LAIN

Pelaburan lain adalah berkaitan dengan deposit yang diletakkan dengan bank berlesen dengan syarat matang melebihi 3 bulan dan memperoleh pendapatan kewangan pada kadar 2.30% - 2.80% setahun (2021: 1.8% setahun).

Deposit tersebut adalah daripada wang yang diterima daripada penalti yang dikenakan oleh AOB. Wang tersebut dihadkan untuk kegunaan merancang dan melaksanakan program pembinaan upaya berhubung dengan profesion perakaunan dan pengauditan.

6 TUNAI DAN SETARA TUNAI

	2022 RM	2021 RM
Tunai dan setara tunai	231,789	612,741

7 PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	2022 RM	2021 RM
Yuran pendaftaran prabayar	336,000	440,000
Pelbagai pemiutang dan akruan	27,459	23,426
	<hr/> 363,459	<hr/> 463,426

8 JUMLAH RIZAB

	Nota	2022 RM	2021 RM
Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia			
Defisit terkumpul	8.1	38,016,438	34,516,438
	8.2	<hr/> (35,147,801)	<hr/> (32,093,656)
Jumlah rizab		<hr/> 2,868,637	<hr/> 2,422,782

8.1 Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

	2022 RM	2021 RM
Sumbangan:		
Pada awal tahun	34,516,438	30,516,438
Tambahan	3,500,000	4,000,000
Pada akhir tahun	<hr/> 38,016,438	<hr/> 34,516,438

8.2 Defisit terkumpul

	2022 RM	2021 RM
Pada awal tahun	(32,093,656)	(28,836,981)
Kerugian bagi tahun	(3,054,145)	(3,256,675)
Pada akhir tahun	<hr/> (35,147,801)	<hr/> (32,093,656)

9 PERBELANJAAN PENTADBIRAN

	2022 RM	2021 RM
Perbelanjaan pentadbiran terdiri daripada:		
Ganjaran juruaudit	24,597	22,100
Elaun ahli bukan eksekutif	278,000	314,000
Pelbagai caj lain	694,555	559,453
Sewa peralatan pejabat	-	1,057
Kos kakitangan	6,326,341	5,817,428
Subsidi latihan	5,580	334,200
	<hr/>	<hr/>
	7,329,073	7,048,238
	<hr/>	<hr/>

10 PERBELANJAAN CUKAI

AOB adalah unit di bawah SC dan bukan entiti percukaian.

11 INSTRUMEN KEWANGAN

11.1 Kategori instrumen kewangan

Jadual di bawah memberikan analisis instrumen kewangan yang dikategorikan pada kos terlunas (AC).

	Amaun bawaan RM	AC RM
<u>2022</u>		
<u>Aset kewangan</u>		
Pelbagai penghutang	105,841	105,841
Pelaburan lain	2,894,466	2,894,466
Tunai dan setara tunai	231,789	231,789
	<hr/>	<hr/>
	3,232,096	3,232,096
	<hr/>	<hr/>
<u>Liabiliti kewangan</u>		
Pelbagai pembiutang dan akruan*	(27,459)	(27,459)
	<hr/>	<hr/>

	Amaun bawaan RM	AC RM
<u>2021</u>		
<u>Aset kewangan</u>		
Pelbagai penghutang	35,900	35,900
Pelaburan lain	2,191,477	2,191,477
Tunai dan setara tunai	612,741	612,741
	<u>2,840,118</u>	<u>2,840,118</u>
<u>Liabiliti kewangan</u>		
Pelbagai pembiutang dan akruan*	(23,426)	(23,426)
	<u>(23,426)</u>	<u>(23,426)</u>

* Tidak termasuk instrumen bukan kewangan

11.2 Pengurusan risiko kewangan

AOB terdedah terutamanya kepada risiko kecairan sepanjang tempoh operasi biasanya. Oleh kerana AOB ditadbir oleh SC, AOB adalah tertakluk kepada dasar pengurusan risiko kewangan SC.

11.3 Risiko kecairan

Risiko kecairan merujuk kepada risiko AOB tidak berupaya mematuhi tanggungjawab kewangannya bila sampai tempoh masanya. Pendedahan AOB kepada risiko mudah tunai timbul terutamanya daripada pelbagai pembiutangnya.

AOB, melalui SC, memantau dan mengekalkan tahap tunai dan setara tunai yang dianggap mencukupi untuk membiayai operasi AOB dan menerima sokongan kewangan daripada SC untuk memastikan, sejauh mungkin, bahawa ia akan mempunyai kecairan yang mencukupi untuk memenuhi liabilitinya apabila ia memenuhi tempoh.

Analisis kematangan

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan AOB pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan pembayaran kontrak tidak didiskaun.

	Amaun bawaan RM	Aliran tunai berkontrak RM	Bawah 1 tahun RM
2022			
<u>Liabiliti kewangan</u>			
Pelbagai pembiutang dan akruan	27,459	27,459	27,459
2021			
<u>Liabiliti kewangan</u>			
Pelbagai pembiutang dan akruan	23,426	23,426	23,426

11.4 Risiko pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada risiko perubahan dalam harga pasaran yang akan memberi kesan kepada kedudukan kewangan AOB atau aliran tunainya.

11.4.1 Risiko kadar faedah

Profil kadar faedah instrumen kewangan yang menanggung faedah ketara AOB, berdasarkan amaun bawaan pada penghujung tempoh pelaporan adalah:

	2022 RM	2021 RM
<u>Instrumen kadar tetap</u>		
Aset kewangan	2,894,466	2,191,477

Analisis sensitiviti risiko kadar faedah*Analisis sensitiviti nilai saksama bagi instrumen kadar tetap*

AOB tidak mengambil kira apa-apa aset kewangan kadar tetap pada nilai saksama melalui untung atau rugi, dan AOB tidak menetapkan derivatif sebagai instrumen lindung nilai di bawah model perakaunan lindung nilai saksama. Oleh itu, perubahan dalam kadar faedah pada penghujung tempoh pelaporan tidak akan menjelaskan untung atau rugi.

11.5 Nilai saksama

Nilai tunai dan setara tunai, pelbagai penghutang, pelbagai pembiutang dan akruan munasabah nilai saksama oleh sifat jangka pendek yang dimiliki oleh instrumen kewangan.

Hierarki nilai saksama belum dibentangkan kerana tiada instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama atau yang tidak dibawa pada nilai saksama yang mana nilai saksama didedahkan pada akhir tahun kewangan.

12 PENGURUSAN DANA

Objektif AOB adalah untuk mengekalkan rizab yang cukup untuk memelihara keupayaan AOB bagi melaksanakan kewajipan dan fungsinya dengan bebas. Rizab ini diuruskan oleh SC.

13 KONTINGEN-KONTINGEN

Pada tahun 2019, AOB telah mengenakan sekatan terhadap sebuah firma audit dan rakan-rakan kongsinya (Pihak Terbabit) yang termasuk antara lain, penalti monetari berjumlah RM631,000 kerana melanggar syarat pendaftaran AOB di bawah seksyen 31O(3) SCMA. Pihak Terbabit merayu kepada SC terhadap sekatan AOB tetapi sekatan AOB telah diperakui oleh SC.

Pihak Terbabit telah memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk semakan perundungan terhadap keputusan AOB dan SC. Mahkamah Tinggi telah membatalkan sekatan yang dikenakan oleh AOB dan SC terhadap Pihak Terbabit pada 10 Ogos 2020.

SC/AOB telah memfailkan permohonan kepada Mahkamah Rayuan untuk menolak keputusan Mahkamah Tinggi pada 13 Ogos 2020. Mahkamah Rayuan memutuskan memihak kepada SC/AOB di mana keputusan Mahkamah Tinggi telah diketepikan pada 10 Disember 2021.

Pada 7 Januari 2022, Pihak Terbabit memohon kepada Mahkamah Persekutuan untuk kebenaran merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan. Pada 17 Ogos 2022, Mahkamah Persekutuan memutuskan memihak kepada SC dan menolak permohonan kebenaran Pihak Terbabit.

Selepas itu, Pihak Terbabit membayar penalti wang sebanyak RM631,000 yang dikenakan oleh AOB dalam tahun kewangan semasa.

14 PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 ini diberikan kebenaran oleh SC untuk dikeluarkan dan ditandatangani oleh Pengerusi SC dan Pegawai Eksekutif AOB 7 Februari 2023.

PENGAKUAN BERKANUN

Saya, **Nur Fatin binti Abdul Aziz**, pegawai utama yang bertanggungjawab di atas pengurusan kewangan dan rekod perakaunan Lembaga Perakaunan Audit, dengan ikhlas berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 36 hingga 51 adalah, sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, betul dan saya membuat ikrar ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya itu benar, dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Perakuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh yang ternama di atas Nur Fatin binti Abdul Aziz, No. K.P. 770108-14-5000, di Kuala Lumpur dalam negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 7 Februari 2023.



NUR FATIN BINTI ABDUL AZIZ
PEGAWAI

Di hadapan saya:



No. 23, 2nd Floor,
Jalan Medan Tuanku,
50300 Kuala Lumpur

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT, SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA

LAPORAN MENGENAI AUDIT PENYATA KEWANGAN

Pendapat kami

Pada pendapat kami, penyata kewangan Lembaga Pemantauan Audit (AOB) memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan AOB pada 31 Disember 2022, prestasi kewangan dan aliran tunainya untuk tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut menurut *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia* dan *Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa*.

Apa yang kami telah audit

Kami telah mengaudit penyata kewangan AOB, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2022, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam dana terkumpul dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar-dasar perakaunan utama seperti yang dibentangkan pada muka surat 36 hingga 51.

Asas kepada pendapat

Kami telah menjalankan audit kami selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian ini dijelaskan dengan lebih lanjut dalam seksyen laporan kami di bawah ‘Tanggungjawab Juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan’.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan sesuai untuk dijadikan asas kepada pendapat kami.

Kebebasan dan tanggungjawab etika lain

Kami bebas daripada AOB menurut *Undang-Undang Kecil (bagi Etika, Tingkah Laku dan Amalan Profesional)* Institut Akauntan Malaysia (Undang-Undang Kecil) dan *Badan Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Akauntan bagi Akauntan Bertauliah* (termasuk Piawaian Bebas Antarabangsa) (Kod IESBA), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Tanggungjawab Para Ahli Lembaga terhadap penyata kewangan

Para Ahli Lembaga SC bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan AOB yang memberi gambaran yang benar dan saksama selaras dengan *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia* dan *Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa*. Para Ahli Lembaga SC juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman seperti yang ditentukan oleh para Ahli Lembaga SC sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan AOB supaya bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan AOB, para Ahli Lembaga SC bertanggungjawab untuk menilai keupayaan AOB untuk terus beroperasi, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan dasar perakaunan usaha berterusan melainkan jika para Ahli Lembaga SC sama ada berhasrat untuk membubarkan AOB atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik melainkan untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan AOB secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka dengan munasabah dijangka akan mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT, SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA (SAMBUNGAN)

LAPORAN MENGENAI AUDIT PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Tanggungjawab Juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan (sambungan)

Sebagai sebahagian daripada pengauditan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit. Kami juga:

- (a) Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan AOB, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, membentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas kepada pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata ketara yang disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi daripada yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, pengecualian yang sengaja, gambaran yang salah, atau mengatas kawalan dalaman.
- (b) Mendapatkan pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merancang prosedur audit yang sesuai dengan keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman AOB.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh para Ahli Lembaga SC.
- (d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh para Ahli Lembaga SC dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan signifikan ke atas keupayaan AOB untuk terus beroperasi. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk melaporkan dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan AOB atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat kami akan diubah. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan AOB berhenti beroperasi sebagai usaha berterusan.
- (e) Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan AOB, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan AOB mewakili urus niaga asas dan peristiwa dengan cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan para Ahli Lembaga SC mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan waktu audit yang telah dirancang dan penemuan audit yang signifikan, termasuk sebarang kelemahan yang signifikan dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa proses audit dijalankan.

PERKARA LAIN

Laporan ini dibuat hanya kepada Ahli Lembaga SC, sebagai satu badan dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain mengenai kandungan laporan ini.



PRICEWATERHOUSECOOPERS PLT
LLP0014401-LCA & AF 1146
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
7 Februari 2023



MAHESH A/L RAMESH
03428/04/2023 J
Akauntan Bertauliah

* Jika terdapat sebarang percanggahan di antara versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris hendaklah diterima pakai.



LAIN-LAIN

AKRONIM DAN SINGKATAN

AARG	Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN
AC	Jawatankuasa Audit
AOB	Lembaga Pemantauan Audit
BNM	Bank Negara Malaysia
ICAEW	Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales
IFIAR	Forum Pengawal Selia Audit Bebas Antarabangsa
IOSWG	Kumpulan Kerja Pelabur dan Pihak Berkepentingan Lain
ISA	<i>Piawaian Antarabangsa tentang Pengauditan</i>
ISQC	<i>Piawaian Antarabangsa tentang Kawalan Kualiti</i>
ISQM	<i>Piawaian Antarabangsa tentang Kualiti Pengurusan</i>
JAN	Jabatan Akauntan Negara
MIA	Institut Akauntan Malaysia
MICPA	Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
NAV	nilai aset bersih
PIE	entiti berkepentingan awam
PLC	syarikat awam tersenarai
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SCMA	<i>Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993</i>
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia

DEFINISI

Juruaudit	Juruaudit individu atau firma audit yang berdaftar atau diiktiraf di bawah Seksyen 31O SCMA sebagai juruaudit berdaftar atau juruaudit yang diiktiraf untuk suatu PIE atau kumpulan wang jadual.
Entiti berkepentingan awam	<p>Entiti yang dinyatakan dalam Bahagian 1, Jadual 1, SCMA:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) suatu PLC atau perbadanan yang disenaraikan di bursa saham; (b) suatu bank yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan 2013</i>; (c) suatu penanggung insurans yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan 2013</i>; (d) suatu pengendali takaful yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013</i>; (e) suatu bank Islam yang dilesenkan di bawah <i>Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013</i>; (f) seseorang yang ditetapkan sebagai suatu institusi kewangan yang ditetapkan di bawah seksyen 212 <i>Akta Perkhidmatan Kewangan 2013</i> atau seseorang yang ditetapkan sebagai suatu institusi kewangan Islam yang ditetapkan di bawah seksyen 223 <i>Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013</i>; (g) suatu institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah <i>Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002</i>; (h) suatu pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk menjalankan aktiviti yang dikawal selia bagi berurus niaga dalam sekuriti, derivatif atau pengurusan kumpulan wang; (i) suatu syarikat pegangan bursa yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti; (j) suatu bursa yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti; (k) suatu depositori pusat yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti; (l) suatu pusat penjelasan yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti; (m) suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf di bawah undang-undang sekuriti; (n) suatu pentadbir skim persaraan swasta yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti; (o) suatu repositori dagangan yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti; (p) <i>Capital Market Compensation Fund Corporation</i>; (q) Mana-mana orang lain sebagaimana yang Menteri boleh tetapkan melalui perintah yang disiarkan dalam <i>Warta</i>.
Kumpulan wang jadual	<p>Dana yang dinyatakan dalam Bahagian 2, Jadual 1, SCMA:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) suatu skim persaraan swasta yang diluluskan oleh SC di bawah <i>Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007</i> (CMSA); (b) suatu skim unit amanah yang diuluskan, diberi kuasa atau diiktiraf oleh SC di bawah CMSA; (c) mana-mana dana pasaran modal lain sebagaimana yang ditentukan oleh SC.
Firma Audit Utama	Firma audit dengan lebih daripada 10 rakan kongsi dan mengaudit lebih daripada 50 pelanggan PIE dengan jumlah permodalan melebihi RM15 bilion.
Firma Audit Lain	Firma audit selain daripada Firma Audit Utama.

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.

